

11 SEP 2003

Mahathir-jamuan

JAMUAN RAKSASA UNTUK DR MAHATHIR DI KELANTAN ISNIN INI

KOTA BAHARU, 11 Sept (Bernama) -- Umno Kelantan akan menganjurkan jamuan raksasa untuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila beliau melawat Kelantan pada Isnin ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata lebih 10,000 orang dijangka hadir pada majlis itu yang akan diadakan di dewan Kompleks Sekolah-Sekolah Wakaf Mek Zainab di sini pada 8 malam.

"Majlis disusuli dengan amanat oleh Perdana Menteri," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Mustapa berkata Umno Kelantan mengadakan jamuan besar-besaran itu bagi meraikan dan menghargai sumbangan Dr Mahathir selaku Perdana Menteri kepada Kelantan.

"Kita akan nyatakan kebanggaan kita kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa sekalipun Kelantan bukan diperintah oleh Barisan Nasional, tetapi beliau sentiasa mengambil berat masalah negeri ini," katanya.

Kelantan diperintah oleh kerajaan Pas sejak 1990.

Sempena lawatan sehari itu, Perdana Menteri akan menghadiri perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra, iaitu jambatan kedua yang menghubungkan Kota Baharu dengan Pasir Mas merentasi Sungai Kelantan di Tendong, Pasir Mas.

Perasmian akan dilakukan oleh Sultan Kelantan pada pukul 10.30 pagi.

Mustapa berkata bahawa pada 2 petang, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua jabatan kerajaan persekutuan di Bangunan Umno Negeri di sini.

Perdana Menteri yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan diberi sambutan secara besar-besaran oleh masyarakat peladang di Tanah Merah sempena perasmian Hari Peladang peringkat negeri Kelantan pada pukul 4 petang sebelum menghadiri jamuan raksasa pada malamnya.

-- BERNAMA

MNR BD MAI